

TEKS UCAPAN PERASMI

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
YBHG. DATO' DR. HUSAINI BIN OMAR

MAJLIS PERASMIAN PECAH TANAH BAGI PEMBANGUNAN
RUMAH ALUMNI UTeM

اویونیورسیتی تکنیکال مالزیا ملاک

Pada 29 Feb 2024 (Khamis)

di Pusat Kokurikulum, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Bismillah hirrahman nirrahim

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis,

YBhg. Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti,

**YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Massila Binti Kamalrudin, Naib
Canselor UTeM**

**YBrs. Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim, Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**YBrs. Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali Bin Omar Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi).**

YBhg. Profesor Madya Datuk Dr. Sabri Bin Mohamad Sharif

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar).

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti.

Wakil-wakil alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka


Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

اویونسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT atas limpah kurnia dan kesempatannya yang mengizinkan kita semua untuk bersama-sama berkumpul julung kalinya pada pada hari yang indah ini bagi menjayakan Majlis Pecah Tanah bagi Pembangunan Rumah Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).




Hadirin dan Hadirat sekalian,

1) "The Journey Of A Thousand Miles Begins With One Step".

Falsafah terkemuka tersebut saya ambil untuk saya gambarkan betapa berertinya majlis kita pada hari ini, sebagai satu langkah dan

tindakan permulaan yang berimpak dalam merealisasikan pembangunan Rumah Alumni yang telah dirancangkan sekian lama. Hasrat pembinaan rumah alumni sudah lama saya dengar sejak saya mula dilantik menjadi Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) lagi.


- 
- 2) Bahkan saya dengar perjuangan alumni-alumni UTeM melalui Persatuan Alumni UTeM membawakan hasrat ini juga sudah lama. Malangnya ianya terhenti ditengah jalan.

- 3) “Dibiarkan Begitu Saja, Terikat Namun Tak Bertali, Tergantung Sepi”.

- 4) Alhamdulillah hari ini, “*that single step*” akhirnya menjadi kenyataan yang mana YBhg. Naib Canselor bersama-sama pihak pengurusan UTeM bersetuju untuk mengadakan Majlis Pecah Tanah Pembangunan Rumah Alumni pada tengah hari ini.

5) Setidak-tidaknya kita sudah tanda atau bahasa mudahnya kita sudah “cop” bahawa di sinilah Rumah Alumni akan dibina.

6) Saya menzahirkan setinggi-tinggi rasa syukur dan gembira atas komitmen dan usaha bersama pihak pengurusan Universiti dan Alumni kerana berjaya menzahirkan aspirasi alumni melalui inisiatif Rumah Alumni ini selain turut membawa erti bahawa pihak LPU dan pentadbiran UTeM sentiasa memberikan sokongan berterusan demi kemaslahatan Alumni UTeM.

- 
- 7) Saya faham, rumah Alumni ini bukanlah sekadar sebuah bangunan, namun ianya turut membawa simbolik pengorbanan, kesetiaan, “*self of belonging*” dan semangat kesukarelaan daripada alumni UTeM yang sentiasa setia bersama universiti ini.

- اونیورسیتی تکنیkal ملیسیا ملاک
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
- 8) Saya amat yakin, pembinaan Rumah Alumni ini akan memberi impak yang besar kepada komuniti alumni UTeM.

9) Ia akan menjadi *one-stop centre* Alumni - sebagai tempat berkumpul, bertukar buah fikiran dan menjalinkan silaturahim di antara alumni yang akhirnya dapat mewujudkan ekosistem yang saling melengkapi, menyokong kesejahteraan ekonomi dan pelaksanaan pelbagai aktiviti baru di kawasan persekitaran ini.


اویونسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

10) Selain itu, ia juga akan menjadi pusat perkongsian pengalaman, pengetahuan dan kebudayaan yang akan memperkasakan lagi ikatan kekeluargaan antara alumni selain turut menyumbang semula kepakaran, pengalaman dan ilmu bermanfaat kepada pelajar-pelajar UTeM yang masih di dalam pengajian di universiti ini.

11) Dengan adanya Rumah Alumni ini juga, aktiviti penyewaan ruang dapat menjana pendanaan kepada Universiti dan Alumni.

12) Kepada Pejabat Pengurusan Alumni dan Keboleh Pasaran Graduan (PPAKG) yang telah diberikan penjenamaan baru menjadi Pejabat U-ACE (UTeM Alumni, Career and Employability), saya juga mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas inisiatif ini.



اویونسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک


UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

13) Dari sudut pandang saya, nama U-ACE membawa nafas baru dengan sebutan lebih ringkas dan mudah difahami selain

menonjolkan unsur "Alumni" yang menegaskan pentingnya melibatkan alumni dalam aktiviti dan inisiatif institusi.

- 14) InsyaAllah, U-ACE akan lebih menarik perhatian alumni, pelajar semasa serta calon majikan. Ini boleh memudahkan proses pengenalan dan meningkatkan kesedaran tentang perkhidmatan yang disediakan oleh U-ACE.
- 15) Saya juga ingin mengambil peluang untuk menekankan kepentingan ekosistem alumni dan universiti tidak boleh dipandang remeh.

16) Alumni adalah aset berharga universiti yang berperanan penting dalam menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan institusi terutamanya di UTeM.



17) Oleh itu, saya menyeru semua para alumni UTeM untuk sentiasa bergerak seiring dengan hasrat universiti untuk menjadikan UTeM sebagai universiti yang mampu “**Duduk Sama Rendah, Berdiri Sama Tinggi**” dengan universiti terkemuka lain.

18) Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi tahniah kepada pihak Universiti, HEPA dan U-ACE yang telah menubuhkan Chapter Alumni di Sabah, Sarawak, Zon Timur dan yang terkini di Zon Tengah. Ini adalah merupakan satu pencapaian berimpak kepada Universiti.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

19) Saya berharap Chapter Alumni di zon Selatan, Utara malah Chapter Alumni Antarabangsa juga akan ditubuhkan selepas ini.



“Seorang mukmin itu adalah orang yang bisa menerima dan diterima orang lain, dan tidak ada kebaikan bagi orang yang tidak bisa menerima dan tidak bisa diterima orang lain. Dan sebaik- baiknya manusia adalah yang paling bermanfaat bagi manusia lainnya.” (HR Thabrani).

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

اویونورسیتی تیکنیکال ملیسیا ملاک


- 20) Mengambil ibrah dari hadis tersebut, tak kiralah samaada kita dari **UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA** alumni ataupun pentadbiran UTeM, sentiasalah berbuat baik dan memberi manfaat kepada orang lain.

- 21) Hubungan baik pihak pentadbiran universiti, U-ACE dengan Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) umpama permata. Jika digilap maka sinarnya lebih terang.
- 22) Jika hancur permatanya, maka hilanglah sinarnya. Ayuh sama-sama hilangkan prasangka, jalinkan hubungan yang kukuh serta bersama kita gigih berusaha dalam memenuhi aspirasi universiti.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

- 23) Bak kata pepatah, “Jika Tidak Dipecahkan Ruyung, Manakan Dapat Sagunya”.

24) Sebelum merasmikan majlis kita pada hari ini, izinkan saya menghadiahkan serangkap pantun,



25) Digerak oleh iltizam alumni-alumni UTeM Terbilang, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Perasmian Pecah Tanah Bagi Pembangunan Rumah Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum

Warahmatullahiwabarakatuh.

جامعة ملاكا التقنية

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA